



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 45
No. 16

9hb Ogos 2001

*TAMBAHAN No. 70
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 241.

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(PERAKUAN BOMBA) 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) 2001**.

Permohonan bagi perakuan bomba

2. Sesuatu permohonan bagi perakuan bomba berkenaan dengan premis ditetapkan hendaklah dibuat dalam Borang I Jadual A.

Pengeluaran perakuan bomba

3. (1) Tiap-tiap perakuan bomba yang dikeluarkan berkenaan dengan mana-mana premis ditetapkan hendaklah dalam Borang II Jadual A.

(2) Sesuatu perakuan bomba yang dikeluarkan di bawah Akta tidak boleh dipindah milik.

(3) Fi yang kena dibayar bagi sesuatu perakuan bomba yang dikeluarkan di bawah Akta hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual B.

P.U. (A) 243.**AKTA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA 1957****PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (PINDAAN JADUAL) 2001**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957 [*Akta 31*], Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2001**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2001.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957 dipinda—

(a) di bawah tajuk “MONTHLY HOUSING ALLOWANCE”—

- (i) dengan menggantikan perkataan “\$1,250” dengan perkataan “RM1,563”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “\$750” dengan perkataan “RM940”; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan “\$450” dengan perkataan “RM563”; dan

(b) di bawah tajuk “MONTHLY ENTERTAINMENT ALLOWANCE”—

- (i) dengan menggantikan perkataan “RM1,306” dengan perkataan “RM1,875”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “RM654” dengan perkataan “RM1,000”; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan “RM429” dengan perkataan “RM688”.

Dibuat 24 Julai 2001.

[PM(S) 11334/1 Jld. 10; PN(PU²)373]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Setiausaha Jemaah Menteri

ELECTION COMMISSION ACT 1957

ELECTION COMMISSION (AMENDMENT OF SCHEDULE) REGULATIONS 2001

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Election Commission Act 1957 [*Act 31*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Election Commission (Amendment of Schedule) Regulations 2001**.

(2) These Regulations shall be deemed to have come into operation on 1 March 2001.

Amendment of Schedule

2. The Schedule to the Election Commission Act 1957 is amended—

(a) under the heading “MONTHLY HOUSING ALLOWANCE”—

(i) by substituting for the word “\$1,250” the word “RM1,563”;

(ii) by substituting for the word “\$750” the word “RM940”; and

(iii) by substituting for the word “\$450” the word “RM563”; and

(b) under the heading “MONTHLY ENTERTAINMENT ALLOWANCE”—

(i) by substituting for the word “RM1,306” the word “RM1,875”;

(ii) by substituting for the word “RM654” the word “RM1,000”;
and

(iii) by substituting for the word “RM429” the word “RM688”.

Made 24 July 2001.

[PM(S) 11334/1 Jld. 10; PN(PU²)373]

By Command,

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Secretary to the Cabinet

P.U. (A) 244.

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (No. 4) 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 4) 2001**.